

NO. SOALAN: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI
[SIPITANG]
TARIKH : 20.5.2015 (RABU)

DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI [SIPITANG] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kes cubaan menyeludup keluar petrol dan diesel ke negara jiran dan apakah ia dilakukan oleh sindiket atau individu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pengapungan harga petrol dan diesel telah dilaksanakan mulai bulan Disember 2014. Daripada tempoh masa tersebut sehingga bulan April 2015, sebanyak 63 percubaan menyeludup bahan api telah dikesan dan berjaya dipatahkan yang melibatkan 22,773 liter petrol dan 165,197 liter diesel. Nilai rampasan bahan api tersebut dianggarkan berjumlah RM336,753. Cubaan menyeludup telah dilakukan oleh individu dan sindiket. Sebanyak 22 kes dilakukan individu warganegara Malaysia, 22 kes adalah cubaan oleh warganegara asing, 18 kes adalah Rampasan Tanpa Tuan dan 1 kes melibatkan sindiket.